

Dr. Mahathir mahu pertumbuhan bandar dikawal

UM 16 APR 2002

CYBERJAYA 15 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu pertumbuhan bandar dikawal supaya tidak menjadi terlalu padat, kotor dan tidak tersusun sehingga penduduknya hilang rasa bangga dengan persekitaran kawasan yang mereka didiami.

Perdana Menteri turut mengingatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya bertanggungjawab menentukan pembangunan bandar baru dan pemuliharaan kawasan serta bandar lama diurus dengan baik.

"Kita tahu apabila sesuatu kawasan sudah menjadi *slum* (sesak) tidak semestinya kawasan setinggan, membersihkan dan memperbaikinya serta memulih keadaan amatlah rumit dan melibatkan kos yang amat tinggi.

"Di masa yang sama, penduduk akan terganggu dan ini tidak disukai oleh sesiapa. Mungkin ada yang akan menentang dan bertindak ganas kerana keadaan ini," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Pengurusan Bandar: Tadbir Urus Bandar Cemerlang di Cyberview Lodge Resort di sini hari ini.

Beliau turut mengulangi gesaannya sebelum ini agar arkitek pembinaan memikirkan cara untuk mengelakkan ampaian dan unit penghawa dingin mencatatkan keindahan reka bentuk sesuatu bangunan.

"Ini buat rumah cantik-cantik dengan reka bentuk Itali, tiba-tiba gantung pakaian dalam," katanya.

Dr. Mahathir berpendapat kepentingan penduduk bandar perlu diambil kira sementara penduduk pula perlu memberi kerjasama kepada PBT.

"Hanya dengan kerjasama semua pihak barulah kita dapat mengurus pentadbiran bandar dengan baik dan berkesan," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir meminta penduduk bandar menerima hakikat bahawa kos hidup di bandar lebih tinggi daripada luar bandar dan sebahagian daripadanya mesti ditanggung oleh mereka.

Beliau berkata, pentadbiran bandar sekarang amat rumit sehingga memerlukan pengetahuan serta kecekapan pengurusan dan ini menjadikan kosnya lebih tinggi.

Beliau berkata, memandangkan pendapatan penduduk Malaysia khususnya di bandar sudah meningkat, sebahagian daripadanya mesti digunakan untuk membayar kos khidmat yang lebih baik.

"Kita perlu sanggup membayar lebih untuk kemudahan yang lebih baik. Jika kita sanggup maka banyaklah lagi khidmat, barangan dan kemudahan lebih baik yang boleh disediakan untuk kesejahteraan hidup kita.

Menanggung

"Jika kita ingin menjadi negara dan bangsa yang maju kita perlu menanggung kosnya," katanya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun rakyat terpaksa membayar lebih untuk barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan, ini bukan bermakna negara dilanda inflasi.

Katanya, inflasi hanya berlaku apabila pengguna terpaksa membayar lebih untuk barangan dan khidmat yang sama.

Sedangkan di Malaysia, ujar beliau, rakyat mampu menanggung pembiayaan kos sara hidup yang lebih tinggi apabila dibekal dengan barangan dan khidmat yang lebih baik.

Menurut Dr. Mahathir tidak mungkin rakyat negara ini menikmati kehidupan yang lebih baik tanpa menambah

perbelanjaan daripada pendapatan yang juga semakin tinggi.

Pendapatan perkapita rakyat negara ini, menurut Dr. Mahathir telah meningkat daripada AS\$300 (RM1,140) pada 1957 kepada kira-kira AS\$4,000 (RM15,200) sekarang.

Beliau membidas penduduk bandar yang dengan keras menuntut apa yang dianggap hak mereka tetapi tidak begitu bersedia untuk membiayai kemudahan tersebut.

"Terdapat juga badan tertentu yang mengkhusus dalam bidang menegur kenapa keadaan sekeliling tidak baik tetapi di masa yang sama menolak sebarang kenaikan bayaran untuk apa sahaja.

"Apabila mereka ditawar untuk menyediakan kemudahan ini dengan mengenakan bayaran seperti yang disyor oleh mereka, tidak pula mereka sanggup berbuat demikian," ujarinya.

Bagi Dr. Mahathir, mereka itu lebih bersikap sebagai penumpang yang berharam orang lain mengeluarkan belanja supaya mereka mendapat nikmat.

Beliau berkata, pendapat bahawa tol dan bayaran-bayaran lain untuk kemudahan tidak perlu dikutip akan menyebabkan kemudahan tersebut tidak dapat dibina, perbelanjaan pengurusan kerajaan yang lain dikurangkan atau cukai dinaikkan.

"Semakin banyak dan semakin baik kemudahan yang dinikmati oleh penduduk bandar, semakin tinggilah kos kehidupan di bandar," katanya.